

RANGKUMAN MAJLIS PENUTUP PROGRAM IHYA' RAMADAN INSTUN 1447H/2026M

13 Mac 2026 – Majlis Penutup Program Ihya' Ramadan INSTUN 1447H/2026M telah berlangsung dengan penuh penghayatan dan suasana harmoni di Auditorium INSTUN, menandakan berakhirnya rangkaian aktiviti kerohanian yang telah diadakan sepanjang bulan Ramadan. Majlis ini menjadi simbol kejayaan penganjuran program yang bukan sahaja mengimarahkan Ramadan, malah turut memperkukuhkan nilai spiritual dan hubungan silaturahim dalam kalangan warga INSTUN.

Majlis dimulakan dengan Majlis Khatam Al-Quran oleh para peserta tadarus yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam menghayati dan mendalami kalam Allah sepanjang program berlangsung. Bacaan yang dialunkan dengan penuh tertib dan khushyuk itu telah mewujudkan suasana yang tenang serta menyentuh hati, sekali gus mencerminkan kejayaan usaha memupuk budaya membaca dan memahami Al-Quran dalam kalangan warga kerja.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan ucapan penutup oleh Pengarah INSTUN yang menyampaikan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan Program Ihya' Ramadan pada tahun ini. Dalam ucapannya, beliau turut menekankan kepentingan mengekalkan amalan-amalan baik yang telah dipupuk sepanjang Ramadan agar terus diamalkan dalam kehidupan seharian. Pesanan tersebut menjadi peringatan bermakna agar keberkatan Ramadan tidak terhenti seiring berakhirnya bulan yang mulia ini, sebaliknya diteruskan dalam bentuk amalan berterusan.

Sebagai tanda penghargaan atas usaha dan dedikasi para peserta, majlis turut menyaksikan penyampaian sijil kepada semua peserta tadarus. Pengiktirafan ini bukan sahaja menghargai komitmen mereka, malah menjadi motivasi untuk terus mendekatkan diri dengan Al-Quran pada masa akan datang. Wajah-wajah ceria dan rasa bangga jelas terpancar dalam kalangan penerima, mencerminkan kepuasan hasil daripada penglibatan aktif sepanjang program berlangsung.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian sumbangan daripada Kelab INSTUN yang bertujuan menyemarakkan lagi semangat kasih sayang serta amalan kebajikan dalam kalangan warga organisasi. Sumbangan ini melambangkan keprihatinan dan semangat berkongsi rezeki yang menjadi teras utama dalam penghayatan Ramadan.

